

01/12/1998

Syor kaji masalah ibu tunggal

KUANTAN, Isnin - Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mencadangkan, kajian lebih mendalam perlu diadakan mengenai permasalahan ibu tunggal serta kesan keruntuhan rumah tangga terhadap anak mereka.

Beliau berkata, kajian itu perlu bagi mewujudkan program yang sesuai untuk membantu generasi kedua yang tidak ada tokoh ayah dalam keluarga masing-masing.

"Kita perlu memberi perhatian serius terhadap golongan ibu tunggal kerana mereka secara langsung atau tidak, mampu memberi sumbangan kepada kemajuan wanita di negara ini," katanya.

Menurutnya, mereka yang menjadi ibu tunggal mempunyai tanggungjawab lebih berat kerana bukan saja perlu menyara diri sendiri, malah keluarga.

"Kita amat menggalakkan penubuhan persatuan ibu tunggal, berikutan bilangan ibu tunggal, sama ada menjadi balu, janda atau ditinggalkan suami sudah meningkat di setiap negeri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Pertubuhan Ibu Tunggal Pahang (Mutiara), di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Timbalannya, Datuk Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Perundangan Hal Ehwal Wanita (Hawa), Maznah Mazlan dan Exco kerajaan negeri.

Dr Siti Hasmah berkata, pertubuhan sukarela juga boleh membantu keluarga ibu tunggal dan anak mereka mengikut kemampuan dan keupayaan melalui khidmat bakti, pemberian sumbangan atau projek anak angkat.

"Bagi program latihan dan kemahiran, badan penganjur sama ada jabatan kerajaan atau sektor swasta boleh memberi keutamaan kepada ibu tunggal mengikuti kursus tertentu," katanya.

Beliau turut meminta hal perundangan, proses penghakiman dan penguatkuasaan keputusan mahkamah syariah mengenai pemberian nafkah, harta sepencarian dan jagaan anak-anak yang sering dibangkitkan wanita perlu di peringkat dan diperkukuhkan.

Pada majlis itu, Pengerusi Persatuan Isteri-isteri Wakil Rakyat Pahang (Teratai) menyampaikan replika surat sokongan kepada kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada Dr Siti Hasmah.

(END)